

Kadar jenayah terus menurun menerusi pendekatan tegas, strategik

Bukti kredibiliti PDRM

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Polis Diraja Malaysia (PDRM) terbukti berjaya menangani pelbagai jenayah termasuk jenayah bentuk baharu yang menyalahgunakan pelbagai aplikasi dan peranti berteknologi tinggi secara tegas, strategik dan berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penurunan indeks jenayah negara adalah bukti kredibiliti tinggi dan kesiapsiagaan PDRM dalam menjaga keamanan negara.

Beliau berkata, momentum itu dapat dilihat apabila jenayah indeks bagi tahun lalu menunjukkan penurunan kepada 52,974 kes berbanding 65,623 kes pada 2020.

"Bagi tempoh Januari hingga Februari tahun ini pula, jenayah indeks turut menurun kepada 8,484 kes berbanding 9,773 kes dalam tempoh yang sama tahun lepas," katanya sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-215 di Pulapol Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Affendi Buang.

Perbarisan melibatkan seramai 629 orang pegawai dan anggota.



ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Acryl Sani Abdullah Sani memeriksa perbarisan oleh 659 pegawai dan anggota polis sempena Peringatan Hari Polis Ke-215 di Pulapol, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Ismail Sabri berkata, sepanjang dua tahun ini, Keluarga Malaysia terpaksa melalui kehidupan yang amat mencabar dan memerlukan bantuan daripada pelbagai pihak bagi mengurangkan beban akibat pandemik Covid-19.

Menurutnya, walaupun hampir seluruh kekuatan tentera pasukan telah dikerahkan untuk penugasan itu, PDRM

tetap komited dalam mengimbangi keutamaan perkhidmatan memerangi jenayah dan mengekalkan keharmonian masyarakat serta keamanan negara.

"Saya menghargai peranan yang dimainkan oleh anggota PDRM sebagai barisan hadapan yang banyak membantu meringankan beban Keluarga Malaysia ketika pandemik.

"Anggota PDRM yang sanggup mengetepikan kepentingan diri, berhujan panas, memerah keringat dan mendedahkan diri kepada risiko jangkitan dan bencana," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, negara akan memasuki fasa 'peralihan ke endemik' mulai 1 April yang membolehkan Keluarga Malaysia kembali hidup dalam keadaan normal.